

20 JUL 1999

Kerajaan-Wartawan

KERAJAAN PAS TIDAK WAJAR HALANG WARTAWAN BUAT LIPUTAN

KOTA BAHARU, 20 Julai (Bernama) -- Kerajaan Pas tidak wajar menghalang wartawan daripada membuat liputan mengenai persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan kerana ia amat penting untuk rakyat mengetahui perkembangan semasa pentadbiran kerajaan negeri.

Setiausaha Barisan Nasional Kelantan, Datuk Ariffin Abdul Hamid berkata, tugas wartawan hanya melaporkan perkara yang betul dan tepat.

"Kita kesal perkara itu berlaku dan ia membuktikan bahawa kerajaan Pas tidak telus dalam mentadbir negeri," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Semalam tiga krew TV3 tidak dibenarkan memasuki kawasan Kota Darul Naim, pusat pentadbiran utama kerajaan negeri yang juga menempatkan Dewan Undangan Negeri Kelantan, bagi membuat liputan persidangan Dewan Undangan Negeri.

Pada 5 Jun lepas TV3 turut dihalang membuat liputan ceramah Pas yang dihadiri presidennya Datuk Fadzil Noor dan Menteri Besar Nik Abdul Aziz Nik Mat di Pulau Chondong, Machang.

Ariffin berkata, tindakan itu mungkin didorong oleh rasa takut dan bimbang kerajaan Pas mengenai pendedahan pentadbiran kerajaan negeri yang lemah sejak memerintah Kelantan dua penggal lepas.

Katanya ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Menteri Dalam Negeri, beliau tidak pernah mengharamkan penerbitan Harakah, suara rasmi Pas.

"Padahal Perdana Menteri tahu bahawa Harakah adalah akhbar pembangkang dan ini membuktikan kerajaan pusat tidak takut dengan ancaman parti pembangkang melalui akhbar," katanya.

Ariffin berkata, ini membuktikan bahawa Kerajaan Pusat telus dalam mentadbir negara tanpa merasa bimbang dengan dakwah yang dibawa parti pembangkang.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Kelantan Zahari Kechik berkata langkah kerajaan Pas tidak membenarkan krew TV3 membuat liputan menunjukkan ia takut kepada media masa.

"Kerajaan Pas bimbang bahawa segala pembohongan kepada rakyat ketika memerintah Kelantan akan tersebar padahal wartawan hanya melaporkan berita yang tepat sahaja," katanya.

-- BERNAMA

ANM AKD